

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri

Kajian Mengurus Ketegangan dan Keganasan dalam Masyarakat Pelbagai Etnik: Kes Kajian Sungai Petani

Prof Dr Mansor Mohd Noor (Ketua Pasukan Kajian)

PM Dr Jamaluddin Mustapha UUM
PM Dr Madya Dr Faridah Jalil UKM PM Dr Nazri Muslim UKM
Dr Hazman Hassan UUM Dr Halifah Musa UKM
Dr Khairol Anuar Kamri UTHM Nur Suhaili Mansor UUM
Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan UKM

Institut Kajian Etnik,

Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi 2015

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Mengurus Ketegangan dan Keganasan dalam Masyarakat Pelbagai Etnik: Kes Kajian Sungai Petani

1.0 Pendahuluan

Pada awal pagi ahad 16 Disember 2012 pergaduhan berlaku di antara sekumpulan pemuda Melayu dan India di Sungai Petani, Kedah. Tiada kematian berlaku. Namun ada beberapa individu Melayu dan India yang bergaduh dan mendapat kecederaan.

Namun begitu, khabar angin kononnya berlaku rusuhan di daerah Kuala Muda tersebar dengan meluas menerusi laman sosial seperti internet, *facebook*, *twitter* dan khidmat pesanan ringkas (SMS) ke seluruh negara dan dunia. Polis segera menafikan Kuala Muda adalah aman dan tenteram. Tiada kematian dan kecederaan serius berlaku. Polis juga telah memperakui yang insiden terpencil ini adalah susulan dari beberapa insiden lain dan insiden ini terjadi dengan tujuan membala dendam terhadap pertama itu.

Polis menjelaskan punca berlaku pergaduhan ini adalah dari kegiatan lumba motor. Apabila ada pergaduhan kedua-dua kumpulan lumba motor ini memanggil kawan masing-masing yang menyebabkan berlaku empat insiden lain.

Pihak Keselamatan, Jabatan Perpaduan Negara, Rukun Tetangga, Kerajaan Negeri Kedah. Telah turun ke padang untuk menangani dan meredakan konflik yang berlaku.

2.0 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti pola hubungan etnik di Sungai Petani, Kedah
2. Menganalisis pengaruh sosiologikal tadbir urus dan kualiti hidup sebagai penyumbang kepada ketegangan sosial dalam insiden di Sungai Petani
3. Memberi cadangan awal pelan tindakan untuk mengatasi insiden ketegangan sosial dari berulang kembali.

3.0 Pengukuran

1. Perhubungan Kaum

Pasukan kajian akan mengukur batas etnik, kerencaman sosial, hubungan rentas sosial, ketegangan sosial dan kesepaduan sosial bagi mengukur tahap dan arah perpaduan etnik di kawasan kajian. Instrumen-instrumen ini akan digunakan untuk membina indeks komposit kesepaduan sosial bagi mendapat gambaran hubungan etnik semasa.

2. Tadbir Urus Kerajaan, Kualiti Hidup dan Keselamatan Masyarakat

Gambaran tadbir urus kerajaan, kualiti hidup dan tahap keselamatan masyarakat setempat akan dinilai bagi memastikan tahap ketegangan sosial di dalam masyarakat atau sebaliknya. Diharap pola ketegangan sosial dalam masyarakat akan diperolehi melalui penggunaan instrumen ini.

3. Keutuhan Masyarakat

Keutuhan masyarakat dari segi sistem sosial sokongan yang formal dan tidak formal akan dikaji demi memahami tahap kesepaduan sosial di kawasan ini. Kegiatan kenduri, gotong royong, sambutan hari kebesaran dan kejiranian akan ditanya bagi mengetahui kedudukan sistem sokongan tidak formal. Manakala bagi sistem sokongan sosial yang formal pula akan ditumpukan kepada penglibatan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Belia, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Persatuan Penduduk, NGO, Polis, Rela, Jabatan Perpaduan Negara, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dll

4.0 Kaedah Pengumpulan Data

Bahan tercetak sebagai data sekunder, soal selidik sebagai data primer dan juga perbincangan dengan masyarakat setempat di kawasan kajian.

Jumlah sampel yang akan dipilih untuk kajian adalah sebanyak 500 responden secara sampling bertujuan mengikut etnik dan kawasan insiden berlaku di Sungai Petani.

Beberapa percubaan telah dijalankan oleh pihak pasukan kajian tetapi berhadapan dengan jalan buntu untuk mendapat kerjasama dari masyarakat setempat. Namun dengan

kerjasama PDRM sejumlah 444 responden dapat ditemui duga di kawasan yang dikenal pasti itu seperti Taman Ria Jaya, Taman Keladi, Taman Ria, Flat Paya Nahu, Flat Paya Nahu 1 dan Taman Petani Jaya.

Oleh kerana insiden ini berlaku di antara kumpulan etnik India dan Melayu, tumpuan lebih diutamakan ke atas Melayu dan India berbanding dengan Cina. Pecahan jumlah responden dikaji adalah Melayu sebanyak 217 orang, India 145 orang dan Cina 82 orang.

5.0 Dapatan Kajian

Sejarah Dan Perkembangan Bandar Sungai Petani, Kedah

Bandar Sungai Petani berkembang semasa Kesultanan Kedah hingga ke era penjajah dan pasca kemerdekaan pada masa ini. Bandar ini bermula sebagai pusat kegiatan pertanian, perniagaan dan industri pada masa kini bermula pada tahun 1890-an lagi. Insiden Pergaduhan Sungai Petani ini berlaku di kawasan pendapatan rendah dan keluarga yang terperangkap dengan putaran keganasan kemiskinan antara generasi terutamanya dalam komuniti Melayu dan Cina. Perlumbaan motosikal haram dan gengsterisme dikaitkan dengan pemangkin kejadian ini. Tetapi analisis temubual dengan kepimpinan, agensi kerajaan dan masyarakat tempat menunjukkan ‘mereka ini adalah mangsa tertinggal oleh proses pembangunan yang memerangkapkan mereka dalam warisan kemiskinan antara generasi’.

Pola Asas, Kehidupan Dan Mobiliti Sosial Dalam Kawasan Kajian

Responden dikaji mengikut taburan etnik, jantina, umur, pendidikan dan pekerjaan dan kawasan kediaman adalah seimbang dan bertepatan dengan permasalahan dan objektif kajian yang telah digarapkan. Walaupun tahap pendidikan mereka miliki adalah baik namun pekerjaan dan pendapatan mereka lebih ke arah pekerjaan dan bergaji sederhana ke bawah.

Dalam suasana sosio-ekonomi sedemikian mereka berhadapan dengan masalah hidup dengan kos biaya hidup, persekitaran tempat tinggal dan kos tanggungan pendidikan anak-anak mereka. Walaupun cabaran hidup masih dapat ditangani tetapi komuniti India merasakan kehidupan mereka lebih tertekan berbanding dengan Melayu dan Cina.

Dari aspek mobiliti sosial pendidikan dalam kalangan responden berbanding dengan ibu bapa mereka didapati lebih baik. Tetapi mobiliti sosial pekerjaan di antara responden

dengan bapa dan datuk didapati sedikit peningkatan sahaja. Etnik India yang paling terbatas mobiliti sosial pendidikan dan pekerjaan di antara generasi dan berbanding secara relatif dengan etnik Melayu dan terutama Cina.

Batas Etnik

Dapatkan kajian ini menunjukkan hubungan rentas individu di peringkat dimensi kepentingan peribadi tuntutan sosial, status sosial dan gantian ganjaran masih terbina tetapi tidak begitu dengan kepentingan peribadi berbentuk material. Perubahan ini berlaku kesan persaingan politik yang berterusan dari semenjak Pilihan Raya Umum 2013 hingga ke akhir-akhir ini di mana isu etnik, pendidikan, Hak Keistimewaan orang Melayu dan bumiputera, agama, pergaduhan antara etnik bersimpang siur dengan persoalan dasar awam, tadbir urus negara, pembangunan, kedudukan ekonomi negara dan transformasi parti politik pemerintah yang didapati masih di tahap lama dalam memastikan demokrasi, rasuah dan tadbir urus negara baik terjamin.

Dapatkan kajian ini adalah buat kali pertamanya menunjukkan pola hubungan etnik yang berlainan dengan dapatan kajian Ikatan Sosial sebelum ini. Dalam kajian sebelum ini kepentingan peribadi berbentuk material adalah yang paling terbina dan diikuti oleh tuntutan sosial dan status sosial. Tetapi dalam kajian ini, pilihan kepentingan peribadi berbentuk material adalah yang paling tidak terbina.

Tadbir Urus Masyarakat Pelbagai Etnik

Penilaian tadbir urus ekonomi, tanpa mengirakan etnik responden berpendapat tadbir urus negara gagal mengurus harga barang, pengangguran, dan pengagihan kekayaan negara. Namun begitu hampir kesemua etnik bersetuju dengan tadbir urus politik di negara ini terutama Melayu dan Cina. Namun begitu responden India tidak memberi persetujuan yang positif kepada kenyataan media sosial bebas dan wakil rakyat rajin memberi khidmat kepada rakyat. Tadbir urus jenayah dan rasuah ini menunjukkan responden tanpa mengira etnik memperakui kerajaan sedang mengurus rasuah dan penglibatan mereka sendiri membantu Polis dalam jenayah tetapi mereka tidak setuju gejala sosial dan kadar jenayah sudah menurun di kawasan mereka.

Manakala tadbir urus perkhidmatan awam diperakui responden berbelah bagi mengikut kenyataan dan etnik. Tadbir urus perkhidmatan awam tentang kemudahan awam dan pengangkutan tidak dipersetujui sebagai berjaya. Namun begitu responden tanpa mengira etnik memperakui tadbir pengurusan masyarakat pelbagai etnik rakyat pelbagai

etnik adalah baik dan mereka mahu kakitangan kerajaan perlu seimbang mengikut etnik di negara ini.

Kesepaduan Sosial

Kesepaduan sosial dikaji adalah baik. Rumusan mengikut dimensi perasaan kekitaan dalam masyarakat dan negara pelbagai etnik di Malaysia menunjukkan mereka sangat bersetuju dan positif dengan peratusan yang tinggi suasana sosial bersimpati dengan jiran kematian keluarga, bangga dalam majlis, bangga sebagai rakyat Malaysia tetapi tidak begitu bersetuju dengan merasa selesa hidup dalam komuniti pelbagai etnik.

Begitu juga tentang dimensi keterangkuman menunjukkan melibatkan diri dalam negara pelbagai etnik ini berlaku dengan bantuan kerajaan dinikmati dan memperolehi peluang pendidikan ke IPTA. Namun begitu hanya Melayu positif terhadap memperolehi peluangkan pekerjaan di jabatan kerajaan secara terbuka tetapi mereka menolak bahawa dasar awam hanya menguntungkan satu etnik sahaja. Etnik Melayu tidak memiliki kesangsian terhadap dimensi keterangkuman tetapi tidak dipersetujui secara peratusan tinggi dan dalam hal peluang pekerja di jabatan kerajaan nyata tidak dipersetuju oleh responden Cina dan etnik India.

Dimensi penglibatan di mana rakyat Malaysia bebas mengundi calon dan parti, terlibat dalam kegiatan persatuan dan boleh berbincangan hal politik dipersetuju tanpa mengira etnik. Dimensi legitimasi menunjukkan responden tanpa mengira etnik bersetuju dan positif terhadap badan bukan kerajaan, perakui undang-undang agama yang berbeza dan sumber berita arus perdana melapur kepincangan tadbir urus kerajaan. Manakala dalam dimensi kesaksamaan rakyat pelbagai etnik menunjukkan berpendapat akan bantu rakan sekerja berhadapan dengan kesusahan adalah terbina. Tetapi perihatin terhadap jurang kemiskinan ketara diperakui positif oleh Melayu dan India dan tidak Cina. India dan Melayu berpendapat pekerja asing rampas kerja pekerja tempatan. India paling kurang bersetuju bahawa bantuan guaman mudah diperolehi di bandar.

Masalah Sosial dan Jenayah

Tahap gejala sosial berada di tahap tidak berubah, dikuti tahap buruk dan amat kecil sekali diperakui tahap baik. Etnik India dan mereka dalam SES pekerjaan Atasan merekodkan peratusan tahap buruk tertinggi. Gejala masalah sosial yang berlaku kepada diri sendiri dalam enam bulan lepas adalah hampir sama mengikut etnik, iaitu, merempit, gengsterisme dan melepak.

Tahap jenayah di kawasan perumahan yang kerap berlaku adalah di tahap tidak berubah, diikuti tahap buruk dan akhir tahap baik. Responden India dan SES Pekerjaan Atasan paling berhadapan dengan tahap jenayah buruk. Peratusan kekerapan yang berlaku kejadian jenayah adalah 3 kali sebulan, terutama, dalam kalangan etnik India dan SES Pekerjaan Menengah. Tiga jenis jenayah utama adalah pecah rumah dan curi malam hari, peras ugut-pemerasan dan curi motosikal. Tanpa mengira etnik tidak bersetuju dengan rasa ketakutan kepada jenayah dalam kehidupan mereka di tempat beriadah di taman-taman awam di hujung minggu, keselamatan anak di sekolah, berada seorang diri di rumah pada waktu malam, tidur malam bersendirian di rumah dan meletakkan motor di tempat parkir. Tetapi rata-rata mereka bersetuju dengan kewujudan pusat-pusat hiburan berleluasa boleh menyumbang kepada jenayah dalam kehidupan mereka. Etnik India yang paling melaporkan banyak jenis-jenis jenayah ini berlaku kepada diri mereka.

Dua kenyataan tentang tindakan mereka yang jelas ketakutan terhadap jenayah di Sungai Petani adalah apabila berjalan kaki berseorangan dan pergi secara bersendirian untuk membeli barang pada waktu 10 malam ke atas. Kenyataan lain seperti mengambil teksi secara bersendirian, memandu kereta secara berseorangan, meninggalkan tempat kerja dan menaiki bas awam mereka tidak begitu merasa ketakutan terhadap jenayah di Sungai Petani walaupun berada di luar jam 10 malam ke atas.

Penemuan menunjukkan responden dikaji tanpa mengira etnik tidak bersetuju dengan rasa ketakutan kepada jenayah dalam kehidupan mereka di tempat beriadah di taman-taman awam di hujung minggu, keselamatan anak di sekolah, berada seorang diri di rumah pada waktu malam, tidur malam bersendirian di rumah dan meletakkan motor di tempat parkir. Tetapi rata-rata mereka bersetuju dengan kewujudan pusat-pusat hiburan berleluasa boleh menyumbang kepada jenayah dalam kehidupan mereka.

Persepsi Terhadap Situasi Di Sungai Petani

Responden mendapati punca utama yang boleh mencetuskan kembali insiden 2012 adalah isu perbezaan agama, perbezaan kaum-budaya dan masalah gengsterisme. Peratusan tertinggi menunjukkan responden merasa tenteram dengan kehidupan mereka pada masa sekarang. Namun begitu, responden tanpa mengira etnik juga mengatakan mereka merasa bimbang dengan keselamatan hidup mereka di situ.

Persepsi responden tentang hubungan di antara etnik menunjukkan mereka sudah bersedia untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan rekreasi dengan kaum lain, hadir dijemput untuk menghadiri satu-satu majlis yang diadakan oleh kaum lain dan mereka mengetahui tentang kegiatan gangster yang masih berleluasa di tempat mereka sekarang.

Semenjak Insiden Pergaduhan Sungai Petani 16 Disember 2012 itu berlaku, 'rasa berdendam masih dirasakan' dengan hanya peratusan yang kecil tetapi peratusan ini semakin meningkat tentang masih 'mempunyai perasaan benci' dan 'mereka masih menimbulkan perasaan curiga' terhadap kaum lain. Tetapi peratusan perasaan 'selesa apabila bergaul dengan kaum lain' telah meningkat menghampiri 70% dan mereka yang 'masih berminat untuk terus menetap di sini' mencecah dengan sebanyak 90%. Mengikut etnik, responden Indian yang paling terkesan oleh emosi traumatis dengan Insiden Pergaduhan Sungai Petani 2012 diikut oleh Melayu dan Cina.

Namun begitu peratusan perbezaan dalam pola hubungan dengan antara etnik lain di antara mereka adalah secara relatifnya adalah kecil. Ini menandakan persepsi tentang hubungan baik dikongsi bersama oleh mereka.

6.0 Cadangan

1. Dasar pembangunan negara mesti mengurus ketidaksamarataan, golongan pendapatan rendah dan golongan miskin yang terperangkap dalam putaran ganas kemiskinan antara generasi.
2. Pembangunan komuniti perlu diutamakan untuk mengukuhkan institusi keluarga, pendidikan anak-anak mereka dalam komuniti, pendidikan hubungan etnik, mediasi komuniti, kegiatan ekonomi dan keusahawanan perlu diutamakan.
3. Memperkuatkkan Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan dan Kampung, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga,

7.0 Kesimpulan

Kajian Insiden Pergaduhan Sungai Petani 2012 merupakan satu fenomena sosial yang berlaku di seluruh dunia dan di beberapa bandar di Malaysia di mana pembangunan tidak seimbang, tadbir urus bandar lemah dan keruntuhan komuniti akibat kemiskinan warisan antara generasi dalam masyarakat kepelbagaiannya boleh membawa kepada keresahan, ketegangan, rusuhan dan konflik etnik.

Komuniti di bandar, masyarakat sivil dan agensi kerajaan yang ditugaskan untuk mengurus kesejahteraan hidup dan keselamatan bandar perlu mengambil langkah perancangan jangka panjang dan program bersifat klinikal demi mengurus golongan ketinggalan pembangunan ini boleh mengalami mobiliti sosial, terutamanya dalam kalangan generasi anak-anak dan belia mereka. Keharmonian, kedamaian dan kestabilan politik sesebuah negara tidak datang bergolek tetapi mendesak penggubal dan pelaksana dasar dan program pembangunan negara untuk sentiasa melakukan penyelidikan ke atas fenomena sosiologikal ini perlu dijalankan sentiasa. Tanpa data penyelidikan sudah pasti pengurusan masalah dan cabaran gejala serta jenayah di bandar-bandar ini tidak akan menepati realiti sosial yang mereka ingin atas.